

Persepsi Pelajar Universiti Teknologi Malaysia Terhadap Program Kitar Semula Menurut Perspektif Islam

Sulaiman Bin Kadikon & Abidah Raudzah Binti Othman
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk melihat persepsi pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap program kitar semula menurut perspektif Islam. Fokus kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap program kitar semula, tanggungjawab melaksanakan kitar semula dan kitar semula menurut perspektif Islam. Sampel kajian ini melibatkan 123 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) di Universiti Teknologi Malaysia. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk soal selidik yang mengandungi empat item berkaitan latar belakang responden dan 36 item soalan berkaitan persoalan kajian. Data yang diperolehi menerusi kajian ini dianalisis menggunakan Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) versi 14.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratus dan min bagi setiap data. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha = 0.954$. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden memberikan persepsi yang positif terhadap program kitar semula. Ini menunjukkan responden sedar tentang kepentingan kitar semula untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Sebagai maklum balas kepada kajian yang dijalankan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diambil perhatian.

Abstract: The descriptive research aims to investigate the students' undergoing Bachelor of Sciences with Education (Islamic Study) perceptions towards the recycling programme from the Islamic perspective. The focus of this research is to determine on the students' perceptions towards recycling programme, responsibility and recycling on the perspective of Islamic. The respondents involved were 123 students doing degree in Bachelor Sciences with Education (Islamic Study) in Universiti Teknologi Malaysia. The instrument used was a set of questionnaire, which contained four items related to the respondents' background information; consisting 36 items, focusing on the area of research. The data that obtained were analyzed using Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) version 14.0 in order to get the frequency, percentage and min for each data. Reliability a value of the instrument was $\alpha = 0.954$. The result showed that most of the respondents had positive perceptions towards the recycling programme. This shows that the respondents are aware that recycling is vital for the benefits of the whole community. As a response to this, some suggestions were proposed by the researcher to certain individuals and organizations for them to take further actions.

Katakunci: kitar semula, perspektif Islam

Pengenalan

Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed adalah untuk mengenalpasti cabaran terhadap alam sekitar sebagai salah satu cabaran yang perlu ditangani oleh masyarakat Malaysia khususnya dalam perjalanannya ke destinasi menjadi Negara maju pada tahun 2020. Jesteru itu, kitar semula bahan-bahan buangan seperti kertas, tin, kaca, surat khabar dan sebagainya adalah salah satu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Di samping itu, agama Islam telah menetapkan garis panduan tentang prinsip-prinsip penjagaan alam sekitar. Menurut perspektif Islam dalam pendekatan Islam Hadhari, ianya terkandung pada prinsip kesembilan iaitu ”*pemuliharaan alam semulajadi*” yang menekankan keharmonian hidup manusia dan alam sekitar.

Penyataan Masalah

Pada masa ini, masalah sampah sememangnya menjadi isu utama bagi pihak berkuasa tempatan yang terpaksa membelanjakan banyak wang untuk aktiviti pemungutan dan pelupusan sampah sarap yang dihasilkan oleh masyarakat. Sampah biasanya dihasilkan oleh premis-premis perniagaan dan kawasan perumahan. Namun pelajar sebenarnya tidak terkecuali sebagai penyumbang dalam menghasilkan sampah. Isunya, adakah golongan terpelajar ini menyumbang kepada usaha kerajaan untuk mengurangkan sampah atau sebaliknya? Ataupun mereka sama sepertimana golongan masyarakat lain yang tidak prihatin dengan usaha kerajaan dalam menangani masalah sampah ini?

Sebaliknya penyelidik melihat ramai pelajar di Universiti Teknologi Malaysia tidak mengambil peduli tentang sampah yang mereka hasilkan. Majoriti daripada mereka membuang sampah tanpa memperdulikan adakah sampah itu boleh dikitar semula atau tidak. Mereka mencampurkan semua jenis sampah dalam satu tong tanpa mengasingkannya. Di samping itu, mereka juga tidak mementingkan kebersihan umum kerana jika ternampak sampah ditepi-tepi jalan atau sebagainya tiada inisiatif untuk memungutnya, sebaliknya hanya mengharapkan tukang sapu untuk mengendalikannya. Apa yang penyelidik ingin sampaikan di sini ialah sampahsampah yang dibuang sepatutnya diasingkan mengikut kategori untuk memudahkan kitar semula.

Kepalpaan yang rendah dikalangan golongan terpelajar ini menyebabkan saranan kerajaan dalam program kitar semula kurang berkesan. Persoalannya, adakah pelajar-pelajar ini tahu tentang usaha kerajaan untuk mengurangkan sampah?. Adakah mereka mengikuti perkembangan semasa mengenai isu sampah dan kitar semula yang hangat diperbahaskan bukan sahaja di Malaysia tetapi di luar negara. Ini kerana masalah sampah telah menjadi masalah dunia?. Masalah yang lebih besar akan berlaku sekiranya golongan yang dikatakan terpelajar ini sendiri tidak menyumbang dalam kitar semula ke arah membantu menyelesaikan masalah sampah. Berdasarkan latar belakang masalah yang dikemukakan, adalah sesuai penyelidik membuat kajian terperinci mengenai program kitar semula kerana didapati terdapat beberapa masalah yang perlu diselesaikan berhubung dengan kitar semula ini. Penyelidik mendapati sejak kebelakangan ini, program kitar semula yang dijalankan kurang berkesan. Maka dengan ini, telah mendorong penyelidik untuk membuat kajian tentang persepsi pelajar terhadap program kitar semula meliputi pelbagai aspek tertentu.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia terhadap program kitar semula. Objektif utama kajian ini ialah:

- i. Mengetahui persepsi pelajar mengenai program kitar semula.
- ii. Mengetahui persepsi pelajar mengenai tanggungjawab melaksanakan program kitar semula.
- iii. Mengenalpasti persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam.

Kepentingan Kajian

Program kitar semula sudah lama diperkenalkan, namun kejayaannya belum menampakkan hasil. Jesteru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan penjelasan umum kepada masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia tentang tanggungjawab kitar semula untuk kesejahteraan bersama.

Hasil penyelidikan ini, diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa kitar semula bukanlah isu yang boleh dipandang remeh kerana sekiranya tidak diberi perhatian, masalah sampah tiada jalan penyelesaian. Di samping itu, kesedaran pelajar tentang kepentingan mengurangkan sampah

mbolehkan masalah alam sekitar dapat diatasi secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah pembuangan sampah.

Penyelidikan ini sangat penting khasnya kepada penyelidik dan secara umumnya kepada keseluruhan ahli masyarakat yang boleh dikategorikan kepada enam sasaran utama iaitu:

Pelajar

Penyelidikan ini hanyalah untuk melihat tentang persepsi pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia mengenai program kitar semula dan tanggungjawab kitar semula. Hal ini sangat penting bagi pelajar-pelajar UTM supaya mengetahui tanggungjawab mereka dan memikirkan apakah sumbangan yang boleh mereka lakukan untuk mengurangkan masalah sampah di negara kita dan seterusnya menjayakan program kitar semula.

Penjaga

Penjaga atau ibu bapa adalah pendidik pertama dan paling dekat kepada anakanak kerana mereka merupakan orang pertama yang memberikan pengajaran kepada anak-anak. Oleh yang demikian, penyelidikan ini diharapkan dapat membantu ibu bapa dalam mendidik anak-anak menguruskan sampah dengan cara yang betul sejak dari kecil lagi.

Pendidik / Guru

Orang kedua terdekat selepas ibu bapa ialah pendidik atau guru dalam usaha mendidik anak-anak sama ada di sekolah mahupun di pusat pengajian tinggi. Penyelidikan ini diharapkan dapat membantu warga pendidik untuk memberi pendedahan awal kepada anak-anak muda tentang program kitar semula.

Pihak Institusi Pendidikan

Penyelidikan ini juga diharap dapat membantu pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pihak Pentadbir UTM dalam membentuk peraturan yang sistematik dalam usaha membentuk warga UTM khasnya pelajar-pelajar agar berdisiplin dalam isu sampah dan kitar semula. Keadaan ini untuk membiasakan diri warga UTM agar membuang sampah di tempat-tempat yang sepatutnya.

Pihak-pihak Yang Bertanggungjawab

Pihak-pihak yang berkaitan dengan program kitar semula dan alam sekitar diharap dapat mempertingkatkan lagi usaha dengan mencuba langkah-langkah yang baru agar pelaksanaan program kitar semula ini berjaya. Kerjasama daripada pihak-pihak ini amat penting dalam memastikan kejayaan sesuatu program.

Masyarakat Umum

Masyarakat umum dapat menjadikan penyelidikan ini sebagai rujukan dalam mengendalikan isu kitar semula dan sampah, seterusnya memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kitar semula dan masalah sampah. Masyarakat umum akan lebih prihatin mengenai isu ini.

Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini hanya terhad kepada pelajar yang menjawab soal selidik sahaja dan tidak menggambarkan keseluruhan Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini tertumpu kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Muslim daripada tahun satu hingga empat Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (pengajian Islam) sahaja. Kajian ini meliputi 123 orang pelajar pengajian Islam bagi mewakili pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia.

Aspek yang dikaji adalah berkaitan persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia mengenai program kitar semula. Di samping itu, kajian ini juga melihat persepsi pelajar mengenai tanggungjawab melaksanakan program kitar semula dan kitar semula menurut perspektif Islam.

Metodologi

Populasi Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) di UTM, Skudai. Penyelidik memilih populasi kajian terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) kerana kajian yang dijalankan menjurus kepada pandangan Islam. Oleh itu, pemilihan pelajar-pelajar ini bertepatan dengan kehendak kajian. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 180 orang pelajar.

Sampel Kajian

Jumlah keseluruhan populasi kajian ini adalah seramai 180 orang. Penyelidik telah memilih sampel seramai 123 orang berdasarkan jadual krejcie dan Morgan (1970) reka bentuk penyelidikan falsafah, teori dan praktis pendidikan bagi memastikan jumlah sampel tersebut mewakili jumlah populasi yang sebenar. Penyelidik juga menggunakan kaedah persampelan rawak mudah untuk memilih sampel. Ini bermakna responden mempunyai kebarangkalian yang sama untuk menjawab soal selidik yang diedarkan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel. Penyelidik memerlukan dua jenis data sebagai sumber untuk menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder. Kedua-duanya perlu dalam menyempurnakan kajian kerana keduanya bersifat lengkap melengkap.

1 Soal selidik

Penyelidik menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data daripada responden kerana soal selidik mengandungi arahan dan soalan-soalan yang sama untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian. Selain itu, penggunaan soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar (Mohd. Majid Kontang : 2004). Set soal selidik ini diambil daripada kajian-kajian lepas dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian penyelidik. Set ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A

Bahagian ini, penyelidik mengemukakan soalan untuk mendapatkan maklumat diri responden iaitu jantina, umur, tahun pengajian dan latar belakang sekolah.

Bahagian B

Bahagian B, adalah soal selidik yang menggunakan skala likert. Responden dikehendaki menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar : 1999). Penyelidik membahagikan skala tersebut kepada lima peringkat.

Bahagian B pula terdiri daripada tiga bahagian iaitu B1, B2 dan B3 dan setiap bahagian ini pula dibahagikan kepada tema-tema berdasarkan keperluan kajian. Dalam bahagian B1, terdapat tiga tema yang mengandungi 15 item soalan yang berbentuk pernyataan positif untuk melihat persepsi pelajar terhadap pengetahuan berkaitan program kitar semula. Seterusnya bahagian B2 juga dibahagikan kepada empat tema yang mengandungi 10 item soalan yang berbentuk pernyataan positif untuk melihat persepsi pelajar terhadap tanggungjawab melaksanakan kitar semula. Seterusnya bahagian B3 turut dibahagikan kepada tiga tema yang mengandungi 11 item soalan yang berbentuk persoalan pernyataan positif untuk melihat persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut Islam. Bahagian B adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Taburan Soalan Berdasarkan Kepada Tema

1) Mengetahui persepsi pelajar terhadap program kitar semula

Bil	Tema	No. Soalan
1	Pengetahuan pelajar terhadap program kitar semula	No. 1, 2, 3, 4, 5
2	Pengetahuan pelajar tentang kelebihan program kitar semula	No. 6, 7, 8, 9
3	Pengetahuan pelajar mengenai fungsi tong kitar semula	No. 10,11, 12, 13, 14, 15

2) Mengetahui persepsi pelajar mengenai tanggungjawab melaksanakan kitar semula

Bil	Tema	No. Soalan
1	Tanggungjawab individu dan masyarakat	No. 16, 17, 18, 19, 20
2	Tanggungjawab Kerajaan dan NGO	No. 21, 22, 23, 24, 25

3) Mengenalpasti persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam

Bil	Tema	No. Soalan
1	Dari sudut Iman	No. 26, 27, 28, 29
2	Dari sudut shari'ah	No. 30, 31, 32
3	Dari sudut akhlak	No. 33, 34, 35, 36

Dalam hal ini, responden dikehendaki menandakan pada jawapan yang tepat mewakili diri sendiri. Secara keseluruhannya, bilangan item bagi bahagian A dan B adalah seperti berikut:-

Jadual 2: Bilangan item mengikut persoalan kajian

Bahagian	Persoalan Kajian	Bilangan Item
A	Latar belakang diri responden	4
B1	Persepsi pelajar terhadap program kitar semula	15
B2	Persepsi pelajar mengenai tanggungjawab melaksanakan program kitar semula	10
B3	Persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam	11

2 Pengumpulan Data Sekunder

Selain daripada data primer melalui set soal selidik, penyelidik juga menggunakan data sekunder untuk mendapatkan data. Data-data ini diperolehi daripada buku-buku, tesis, artikel, majalah dan suratkhabar yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas sampel, penyelidik terlebih dahulu membuat kajian rintis. Kajian rintis ini akan dijalankan ke atas beberapa orang pelajar Fakulti Pendidikan kerana sampel mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang sebenar. Tujuan kajian rintis ini dilakukan adalah untuk menentukan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina (Mohamad Najib Abdul Ghafar : 2003). Seramai 10 pelajar telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik yang telah dibina. Penyelidik memilih sampel kajian rintis ini secara rawak mudah.

Setelah selesai menjalankan kajian rintis, penyelidik menganalisis data untuk mendapatkan nilai alpha bagi item yang dibina. Sekiranya mendapat nilai koefisien adalah tinggi (0.8 ke atas), penyelidik boleh membuat kesimpulan bahawa soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Najib Abdul Ghafar : 1999). Nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik ini adalah $\alpha = 0.954$. Ini bererti soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi kerana nilai koefisiennya melebihi 0.8 dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

Keputusan

Analisis Keseluruhan Persepsi Pelajar Mengenai Kitar Semula Menurut Perspektif Islam (Analisis Setiap Tema)

Jadual 3: Taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut Iman

Item	Perkara	Negatif		Neutral		Positif		Min
		K	%	K	%	K	%	
26.	Saya tahu kebersihan adalah sebahagian daripada iman.	0	0	1	0.8	122	99.2	4.89
27.	Kitar semula merupakan ibadah sekiranya niat kerana menjaga alam ciptaan Allah s.w.t. daripada pencemaran.	0	0	2	1.6	121	98.4	4.79
28.	Menjaga alam sekitar melalui kitar semula merupakan cabang ibadah. Oleh itu, kita perlu berusaha melaksanakannya.	0	0	3	2.4	120	97.6	4.66
29.	Kitar semula dapat menghindari pembaziran.	1	0.8	2	1.6	120	97.6	4.57
Min Keseluruhan								4.72

n =23 (K=Kekerapan)

Daripada jadual 3 di atas menunjukkan taburan keseluruhan min objektif ketiga bagi tema persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut Iman. Dapatan kajian menunjukkan responden secara keseluruhannya memberikan maklum balas persetujuan yang positif.

Ini dapat dilihat pada min item 26 (4.89), item 27 (4.78), item 28 (4.66) dan item 29 (4.57). Kekerapan dan peratus juga tinggi bagi item 26 hingga item 29 iaitu 122 orang (99.2%), 121 orang (98.4%), 120 (97.6%) dan 120 orang (97.6%). Didapati pernyataan "saya tahu kebersihan adalah sebahagian daripada iman" memperoleh nilai kekerapan dan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 122 orang responden (99.2%). Nilai min tertinggi adalah 4.89 pada pernyataan ini. Min keseluruhan bahagian ini juga berada di tahap yang tinggi iaitu 4. Ini menunjukkan objektif ketiga bagi tema mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut Iman. mendapat persetujuan dan maklumbalas positif responden dalam kajian ini.

Jadual 4: Taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut Sharicat

Item	Perkara	Negatif		Neutral		Positif		Min
		K	%	K	%	K	%	
30.	Saya setuju kitar semula selaras dengan tuntutan Islam.	0	0	2	1.6	121	98.4	4.60
31.	Kitar semula amat penting untuk menjaga kemaslahatan seluruh umat manusia.	0	0	5	4.1	118	96.0	4.63
32.	Dengan mengamalkan kitar semula dapat mengelakkan kemudharatan terhadap seluruh umat manusia.	1	0.8	5	4.1	117	95.1	4.55
33.	Kitar semula pada pandangan Islam dapat memelihara dan memulihara alam sekitar.	0	0	2	1.6	121	98.4	4.67
Min Keseluruhan								4.61

n =23 (K=Kekerapan)

Berpandukan jadual 4 di atas, dapatan kajian menunjukkan maklum balas dan persetujuan yang positif terhadap persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut Sharicat. Nilai min adalah tinggi antara 4.50 hingga 4.7 bagi item 30 hingga item 33 iaitu item 30 (4.60), item 31 (4.63), item 32(4.55) dan item 33 (4.67). Kekerapan dan peratus pelajar yang setuju dengan pernyataan item 30 hingga item 33 adalah tinggi iaitu 121 orang (98.4%), 118 orang (96.0%), 117 orang (95.1%) dan 121 orang (4.67%). Ini menunjukkan pelajar bersetuju kitar semula menurut sharicat Islam.

Jadual 5: Taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut akhlak

Item	Perkara	Negatif		Neutral		Positif		Min
		K	%	K	%	K	%	
34.	Kitar semula menundukkan nafsu rakus dalam mengeksploitasi alam.	3	2.4	12	9.8	109	87.8	4.37
35.	Islam meng.lakkan manusia untuk mengitar semula bahan terbuang untuk kesejahteraan bersama.	0	0	8	6.5	115	93.5	4.59
36.	Pelajar Muslim seharusnya menunjukkan contoh yang terbaik kepada bukan Islam dalam aspek kitar semula	0	0	1	0.8	122	99.2	4.72
Min Keseluruhan								4.56

n =23 (K=Kekerapan)

Merujuk jadual 5 di atas menunjukkan analisis keseluruhan min bagi mengetahui persepsi pelajar mengenai kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut akhlak. Dapatan kajian menunjukkan responden secara keseluruhannya memberikan maklum balas yang positif terhadap pernyataan bagi setiap item.

Nilai min tertinggi adalah 4.72 pada pernyataan 36 Kajian mendapati bahawa sebanyak 122 orang responden (99.2%) daripada keseluruhan responden menyatakan persetujuan terhadap pernyataan “pelajar Muslim seharusnya menunjukkan contoh terbaik kepada bukan Islam dalam aspek kitar semula. Manakala hanya terdapat seorang responden (0.8%) yang tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Analisis bahagian ini menunjukkan nilai min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.56. Ini bermakna pelajar sebagai responden bersetuju dengan persoalan objektif ketiga bagi tema kitar semula menurut perspektif Islam dari sudut akhlak.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Maklumat Latar belakang responden yang pertama ialah jantina. Berdasarkan dapatan kajian, bilangan pelajar perempuan seramai 102 orang (82.9%). Manakala bilangan pelajar lelaki pula terdiri daripada 21 orang (17.1%). Keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) memiliki lebih ramai pelajar perempuan, maka secara logiknya ramai di kalangan mereka terpilih untuk menjadi responden.

Dapatan analisis seterusnya adalah berkaitan dengan umur responden. Analisis menunjukkan majoriti responden terdiri daripada umur dalam lingkungan 22 hingga 25 tahun iaitu 84 orang (68.3%). Manakala dalam lingkungan 18 hingga 21 tahun adalah sederhana iaitu 31 orang (25.2%). Golongan belia adalah pembentuk negara pada masa depan. Oleh itu, mereka haruslah mempunyai kesedaran yang tinggi berkaitan kitar semula untuk menjamin kesejahteraan alam sekitar.

Selain itu, penyelidik turut memuatkan item berkaitan tahun pengajian responden yang terdiri daripada tahun satu, dua, tiga dan empat Ijazah Sarjana Muda sains serta Pendidikan (Pengajian Islam). Tahun satu terdiri daripada 20 orang iaitu (16.3%) manakala tahun dua seramai 27 orang iaitu (22.0%). Majoriti responden yang menjawab soal selidik terdiri daripada tahun tiga iaitu seramai 41 orang (33.3%) dan tahun 4 seramai 35 orang iaitu (28.5%). Melalui pengamatan penyelidik tahun tiga dan empat telah menjalani latihan praktikal menyebabkan mereka menjadi fokus utama kerana mempunyai pengalaman tentang realiti masyarakat sebenar dan ini bertepatan dengan penyelidikan kajian yang ingin melihat persepsi responden terhadap isu kitar semula dan alam sekitar dalam pengaplikasiannya untuk memberi kesedaran bermula dari akar umbi.

Latar belakang sekolah responden turut mempengaruhi kajian penyelidik. Penyelidik berpendapat, lebih ramai responden yang mempunyai latar belakang sekolah agama, maka dimaklumi mereka telah didedahkan tentang pandangan Islam mengenai isu pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan kitar semula. Ia merangkumi soal tanggungjawab sebagai umat Islam yang seharusnya menjaga alam keseluruhannya. Kesedaran ini seharusnya diserap oleh tenaga pengajar sewaktu di sekolah lagi. Daripada kajian ini, hasil dapatan menunjukkan ramai responden yang bersekolah di sekolah jenis SMA iaitu 53 orang (43.1%) dan 50 orang (40.7%) responden bersekolah di sekolah jenis SMKA dan 7 orang (5.7%) berlatar belakang sekolah SAR.

Persepsi Pelajar Mengenai Kitar Semula Menurut Perspektif Islam

Objektif ketiga kajian adalah melihat persepsi pelajar terhadap kitar semula menurut perspektif Islam. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan majority responden bersetuju terhadap pernyataan bagi setiap item yang di kemukakan. Kenyataan ini adalah berdasarkan kepada jadual 4.46, 4.47 dan 4.48 di dalam bab IV. Purata min keseluruhan bagi objektif ketiga berdasarkan item ialah 4.46, 4.47 dan 4.48. Ini menunjukkan bahawa objektif ketiga kajian mendapat respon yang positif daripada responden.

Analisis yang dilakukan menunjukkan 99.2% responden bersetuju dengan item 26 iaitu kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Kenyataan ini disokong oleh hadis riwayat Muslim daripada Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman.”
(Riwayat Muslim)

Kitar semula menjadi ibadah sekiranya niat melakukannya kerana Allah Ta'ala dan menjaga alam sekitar dengan dapatan yang positif iaitu 98.4%. Pengertian ibadah dapat dilihat dalam dua aspek iaitu menyembah Allah S.W.T. secara langsung dan memperhambakan diri kepada Allah dalam urusan hidup (Abdul Hadi Awang, 2005). Yusuf Qardhawai (1981) menyatakan setiap amalan hidup akan menjadi ibadah selagi mana amalan yang dikerjakan itu diakui Islam, sesuai dengan hukum sharicah dan tidak bercanggah dengan hukum tersebut. Oleh itu, kitar semula adalah salah satu urusan hidup yang perlu dilaksanakan kerana ia tidak bercanggah dengan sharicah..

Seterusnya, item 29 iaitu kitar semula dapat menghindari pembaziran menunjukkan peratusan yang tinggi sebanyak 97.6%. Dapatan ini adalah selari dan bertepatan dengan perintah Allah S.W.T. dalam surah al-An'am ayat 141 seperti dinyatakan dalam bab II. Sesungguhnya Allah S.W.T. menyediakan pelbagai kemudahan sumber alam kepada manusia tetapi janganlah manusia berlebih-lebihan dalam menggunakannya. Oleh itu, kitar semula dapat mengurangkan penggunaan punca alam semulajadi dalam menghasilkan produk-produk tanpa berlakunya pembaziran sumber alam semulajadi.

Selain itu, responden juga bersetuju dengan item 30 mengenai kitar semula selaras dengan tuntutan Islam. Sebanyak 98.4% responden bersetuju dengan item tersebut. Kenyataan ini disokong oleh item 31 iaitu kitar semula menjaga kemaslahatan manusia sebanyak 96% dan item 32 iaitu kitar semula dapat mengelakkan kemudharatan manusia sebanyak 95.1%. Seterusnya item 33 juga menunjukkan dapatan yang positif iaitu 98.4% responden bersetuju bahawa kitar semula menurut pandangan Islam dapat memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sesungguhnya kitar semula dapat menundukkan nafsu rakus manusia dalam mengeksploitasi alam. Analisis menunjukkan sebanyak 87.8% responden bersetuju terhadap item 34 ini. Manakala item 35 iaitu Islam menggalakkan manusia untuk mengitar semula bahan terbuang untuk kesejahteraan bersama menunjukkan peratus yang tinggi iaitu 93.5%. Akhlak memainkan peranan yang penting bagi membentuk personaliti yang bertanggungjawab ke atas alam sekitar dan melaksanakan kitar semula. Menerusi akhlak keperibadian seseorang muslim akan dihasilkan dengan sifat-sifat terpuji untuk menghasilkan tindakan yang baik dan harmoni dengan alam sekitar. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan responden terhadap item 36 iaitu muslim seharusnya menunjukkan contoh terbaik kepada bukan Islam dalam aspek kitar semula.

Secara keseluruhannya, persoalan kajian mendapat persepsi yang positif di kalangan responden yang telah bersetuju program kitar semula merupakan satu langkah terbaik untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Di samping itu, mereka merasakan setiap individu, masyarakat, kerajaan dan bukan kerajaan bertanggungjawab melaksanakannya dan sebaik-baiknya tanamkan sikap suka mengasingkan sampah

bermula dari kecil. Selain itu, Islam agama yang universal menggalakkan manusia untuk memelihara dan memulihara alam sekitar dengan apa cara sekalipun selagi tidak melanggar keimanan, syariat dan akhlak yang digariskan dalam Islam.

Rumusan

Rumusan Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Kitar Semula Selaras Dengan Tuntutan Islam

Islam adalah agama yang universal dan menitikberatkan semua isu demi memastikan kesejahteraan manusia. Dalam al-Quran Allah S.W.T membincangkan semua perkara berkaitan manusia termasuklah alam sekitar dan penjagaannya, walaupun tidak dinyatakan dengan jelas tetapi semuanya tetap dibicarakan juga. Sesungguhnya Islam bukan sahaja menyuruh umat Islam mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. semata-mata tetapi Islam juga menyukai keindahan, oleh itu umat Islam disuruh untuk memelihara keindahan yang wujud. Pemeliharaan sebenarnya lebih baik daripada mengawal pencemaran. Maka dengan itu manusia seharusnya berusaha mengitar semula sampah demi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Selain itu, dengan akhlak mulia seperti taawun, mahabbah, qana'ah dan ihsan dalam diri dapat membantu untuk menjayakan kitar semula kerana sifat ini akan mendorong kepada kitar semula sampah yang dihasilkan. Hanya inilah sahaja cara terbaik untuk mengawal kuantiti sampah yang dihasilkan.

Di samping itu, Islam juga menitikberatkan kemaslahatan manusia sejagat dan menghalang kemudaratan. Salah satu cara untuk memastikan alam sekitar sentiasa berada dalam keadaan bersih ialah dengan mengitar semula sampah. Jika ia dilaksanakan dengan baik, maka ia mampu untuk mengelakkan kemudaratan serta membawa kemaslahatan kepada seluruh umat manusia kelak.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang (2005). *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Pahang : Nufair Street Sdn. Bhd.
- Abdul Karim Zaidan (2002). *Islam dan Dakwah*. Tej. Solehan bin Ayub. Kuala Lumpur : Pustaka Salam.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (1987). *Tafsir al-Azhar Juzu 25*. Singapura : Pustaka Nasional Pte.Ltd.
- Ahmad Nuryadi Asmawi (2005). *Fiqh Keutamaan (Keutamaan Tugas-tugas Kaum Muslimin) Satu Kajian Baru dari Perspektif Al-Quran dan A-Sunnah oleh prof. Dr. Yusuf Abdullah Al-Qaradhawi*. Selangor : Thinker's Library Sdn.Bhd.
- Anwar B. Hj. Abd. Rahman (2006). *Peranan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Melindungi Alam Sekitar dalam Laporan Simposium pengurusan Alam Sekitar*. 4 Disember 2006. Nilai Negeri Sembilan.
- Che Hasliza binti Che Roza (2006). *Persepsi Jemaah Wanita Terhadap Penggunaan Air Ketika Berwudu : Satu Kajian Di Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor*. Tesis Sarjana Muda.
- Farhana Ziha Abdullah (2006). *Persepsi Pelajar Terhadap Sampah : Kajian Di Kalangan Pelajar Kolej Tun Razak, Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana Muda.
- Hairulazim Mahmud. Utusan Malaysia. *USM Temui Kaedah Murah Kitar Semula Kertas*. Sabtu, 11 Feb. 2006

- Harminderjeet Kaur Kuldip Singh (1995). *Pengurangan sisa secara guna semula dan kitar semula : kajian kes di Petaling Jaya*. Tesis Sarjana Muda.
- Johar Afandi. Berita Harian. *Piagam Asean Eratkan Kerjasama Serantau : PM*. Rabu 21 November 2007
- Mad Hannusi Che Ros (2004). *Keberkesanan program kitar semula sisa pepejal di kawasan perumahan Taman Setapak Indah, Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Muda.
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Razmi Omar (2002). *Peninjauan keberkesanan program kitar semula : kajian kes : Johor Bahru Tengah*. Tesis Sarjana Muda.
- Mohd. Fathir Yassir Abnol Kassim (2001). *Kitar Semula Bahan Buangan Berasaskan Kertas : Kajian Kes Taman Universiti*. Tesis Sarjana Muda.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghaffar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Nakhai Ahmad (2004). *Pembangunan Negara Islam Hadhari* : Kuala Lumpur. Milenia Muslim Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Zuhdi Marsuki dan Amer Saifude Ghazali (2002). *Etika Alam Sekitar daripada Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Kuala Lumpur : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mustafa al-Bughra et. al. (1998). *Syarah Hadis 40 Imam Nawawi*. Tej. Mohd Asri bin Haji Hashim et. al. : Kuala Lumpur. Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- O.K.Rahmat (1988). *Sumber dan Prinsip Hukum Islam*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.